



بنك معاملات

Bank Muamalat

PELBAGAI HUKUM MUAMALAT **DEPOSIT**

KOMPILASI KEPUTUSAN JAWATANKUASA SYARIAH
BANK MUAMALAT MALAYSIA BERHAD

Dikemaskinikan oleh:
Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri

Ahli kumpulan

DRB-HICOM



بنك معاملات

Bank Muamalat

Di Bank Muamalat, mimpi anda menjadi kenyataan...

Kami menawarkan banyak jenis produk yang meliputi pembiayaan perdagangan serta projek dan pembiayaan kontrak untuk semua sektor ekonomi. Tambahan pula, kami juga menawarkan pembiayaan syarikat dan perkhidmatan penasihat kewangan pengeluaran Islamic Private Debt Securities, pembiayaan luar pesisir, deposit mata wang asing dan kemudahan-kemudahan perbankan persendirian.

Bank Muamalat ditubuhkan pada 1999 dan kami adalah sebuah institusi Islam yang mematuhi hukum Shariah di bawah akta Perbankan Islam 1983 (Islamic Banking Act, 1983).

Kakitangan kami adalah asset kami. Kami menawarkan perkhidmatan yang terbaik.



AHLI



www.muamalat.com.my
1-300-88-8787

Ahli kumpulan

DRB-HICOM

Kandungan

PERKARA

Kata Alu-aluan Ketua Pegawai Eksekutif Bank Muamalat Malaysia Berhad	2
Prakata Pengerusi Jawatankuasa Syariah	4
Mukadimah Pengarang	5
Jawatankuasa Syariah Bank Muamalat Malaysia Berhad	6
Bab Satu: Penerimaan Deposit dari Agensi Insurans	7
Keputusan Jawatankuasa Syariah BMMB	10
Bab Dua: Penerimaan Deposit Daripada Syarikat yang Menjalankan Aktiviti yang Tidak Patuh Syariah	11
Keputusan Jawatankuasa Syariah BMMB	13
Bab Tiga: Ciri-ciri Deposit Yang Boleh Diterima	14
Keputusan Jawatankuasa Syariah BMMB	16
Bab Empat: Akaun Simpanan dan Semasa Berkonsepkan Mudharabah	17
Keputusan Jawatankuasa Syariah BMMB	18
Bab Lima: Penukaran Kontrak Mudharabah Kepada Ar-Rahn Bagi Menjadikannya Sekuriti Deposit	21
Keputusan Jawatankuasa Syariah BMMB	22
Bab Enam: Hukum Bekerja dalam Institusi yang Berinteraksi dengan Riba	25
Penutup	27
Bibliografi	28

MUKASURAT

Kata Alu-aluan

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT dengan segala nikmat-Nya yang dikurniakan kepada kita. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW dan keluarga, para sahabat serta yang mengikut jejak langkah Baginda hingga hari Akhirat.

Dengan meminjam kata-kata al-Syahir Hasan al-Banna daripada karyanya *Majmu' al-Rasail* antara lain menyebut:

“Negara ini bukanlah negara miskin. Malah berkemungkinan negara ini adalah bumi Allah SWT yang paling kaya dengan sumber semulajadi atau pelbagai hasil mahsul yang lain seperti pertanian, perikanan, ternakan, galian, termasuklah Sungai Nil-Nya yang menakjubkan dan lembahnya yang subur. Malahan begitu banyak kurniaan Allah SWT yang dikurniakan kepada Mesir dan rakyat Mesir semenjak sekian lama.”

Allah SWT berfirman yang bermaksud:

“Turunlah kamu ke bandar (Mesir) kerana di sana kamu boleh dapati apa yang kamu minta itu.”
(Surah al-Baqarah: 61)

Bangsa asing yang menjajah bumi ini akibat kelalaian rakyatnya, kerana sikap sambil lewa pemerintahnya di samping kerana kekejaman pihak yang menjajah, hidup mereka di bumi ini lebih senang berbanding rakyat dan peribuminya. Mereka menguasai sepenuhnya sumber kekayaan yang paling berharga dalam negara ini.

Kesemua individu atau syarikat seperti kilang, syarikat perniagaan, kemudahan awam serta kemudahan asas berada dalam genggaman bangsa asing ataupun dipunyai oleh bangsa asing yang memiliki kerakyatan Mesir hanya pada zahirnya tetapi masih setia dengan negara asal mereka.

Mereka menyalurkan kekayaan mereka kepada negara asal mereka. Kebanyakan bangsa asing ini masih memandang rendah rakyat, buruh dan pemerintah Mesir. Wujudnya jurang yang jauh antara pelbagai lapisan masyarakat. Yang kaya terlalu kaya dan yang miskin terlalu miskin. Hampir-hampir tidak wujud kelas pertengahan. Golongan yang kita gelar sebagai kelas menengah hari ini sebenarnya masih merupakan golongan yang miskin walaupun kita senaraikan mereka sebagai kelas menengah. Namun sebagaimana kata pepatah: *“Sesetengah keburukan lebih ringan daripada sesetengah keburukan yang lain.”*

Semoga Allah SWT merahmati para ulama kita yang telah membuat kajian yang mendalam bagi membezakan antara orang fakir dan orang miskin. Kedua-dua golongan ini masih dianggap sebagai golongan yang susah dan memerlukan bantuan.

Suatu perkara yang amat penting dalam mengharungi persaingan sengit antara teori-teori ekonomi seperti kapitalisme, sosialisme dan komunisme, kita masih belum menetapkan corak ekonomi kita sendiri. Sedangkan masa mendesak kita untuk membuat keputusan. Keadaan semakin kompleks dan kita tidak lagi dapat mengambil jalan tengah. Kita tiada pilihan selain terpaksa membuat keputusan. Kini, kita perlu menentukan hala tuju kita dengan jelas. Kita perlu mengorak langkah bagi melaksanakannya dengan nekad dan bersungguh-sungguh.

Sesungguhnya saya merasa berbangga kerana kesungguhan Jabatan Syariah yang dibantu oleh Jawatankuasa Syariah Bank Muamalat Malaysia Berhad dapat mengeluarkan buku yang bertajuk Pelbagai Hukum Muamalat:

Deposit. Ia merupakan hasil kompilasi keputusan Jawatankuasa Syariah Bank Muamalat Malaysia Berhad. Ini sudah pasti memberi kefahaman yang lebih mendalam berkenaan dengan ekonomi Islam sesuai dengan semangat yang dibawa oleh Bank Muamalat.

Sekali lagi saya merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada mereka yang menjayakan risalah kecil yang penuh ilmiah ini. Semoga kita dirahmati Allah SWT dan diredhai-Nya. Amin.

Salam hormat,

YBhg Dato' Hj. Mohd Redza Shah Abdul Wahid
Ketua Pegawai Eksekutif
Bank Muamalat Malaysia Berhad

Prakata

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Segala puji-pujian dipanjatkan ke hadirat Allah SWT dan Rasul-Nya, Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga, para sahabat dan pengikut Baginda sehingga akhir zaman.

Setelah sekian lama Jawatankuasa Syariah Bank Muamalat Malaysia Berhad ditubuhkan dan pelbagai isu Syariah yang berkaitan dengan kewangan Islam dibincangkan, maka pihak Jawatankuasa merasakan sudah tiba masanya untuk menerbitkan kompilasi keputusan Jawatankuasa bagi pengetahuan umum. Alhamdulillah, usaha itu menjadi kenyataan melalui penerbitan buku ini.

Perkembangan semasa industri kewangan Islam menyaksikan inovasi pelbagai produk kewangan Islam yang semakin kompleks. Pihak yang bertanggungjawab dari segi pengawasan pematuhan Syariah, yang meliputi ahli-ahli penasihat dalam Jawatankuasa serta pegawai-pegawai Syariah di institusi kewangan Islam, khususnya di Bank Muamalat, harus melihat perkembangan ini sebagai cabaran dalam memajukan industri kewangan Islam.

Para pengguna produk kewangan Islam pada hari ini merupakan pengguna generasi baru yang bukan sahaja prihatin terhadap status pematuhan Syariah sesuatu produk, malah ingin mengetahui justifikasi disebalik setiap status kepatuhan Syariah yang diberikan. Perkembangan ini menuntut supaya ketelusan dalam proses pengawasan Syariah dipertingkatkan. Dalam konteks ini, penerbitan buku ini mencerminkan ketelusan Jawatankuasa untuk mengeluarkan keputusan-keputusan Syariah dalam menjalankan tanggungjawab pengawalseliaan pematuhan Syariah khususnya di Bank Muamalat.

Penerbitan buku ini, diharap dapat memberikan pendedahan yang jelas kepada masyarakat tentang keputusan dan pandangan Jawatankuasa serta hujah Syariah yang menjadi asas kepada pembentukan keputusan tersebut. Namun begitu, pihak kami mengalu-alukan sebarang pandangan bagi memperteguh dan meningkatkan lagi mutu kandungannya dalam keluaran yang akan datang.

Sekian, wassalam.

YBhg Ustaz Azizi Che Seman

Pengerusi Jawatankuasa Syariah
Bank Muamalat Malaysia Berhad

Mukadimah

Pengarang Pelbagai Hukum Muamalat: Deposit

Pertamanya kami rafakkan syukur kepada Allah SWT kerana dapat mengemukakan sebahagian daripada isu-isu Syariah berkaitan muamalat yang perlu ditekuni agar ia selari dengan muamalat Islam. Untuk itu, pada ruangan ini, dikemukakan empat persoalan yang telahpun dikeluarkan oleh Penasihat Syariah Bank Muamalat Malaysia Berhad.

Dalam menyusun atur kajian ini, ditambah pelbagai dalil dan hujah serta kaedah dalam memperkukuhkan hukum yang telah diputuskan itu. Imam al-Syahid Hasan al-Banna mengemukakan beberapa pandangannya tentang sistem ekonomi Islam secara ringkas, antaranya:

- Meletakkan harta yang baik sebagai tunjang kehidupan. Harta perlu dicari, diurus dan dilabur dengan baik;
- Mewajibkan mereka yang berkemampuan supaya bekerja dan mencari rezeki;
- Meneroka sumber asli dan sumber yang ada perlu dimanfaatkan;
- Mengharamkan sumber pendapatan yang tidak bersih;
- Merapatkan jurang antara lapisan masyarakat sehingga tidak wujud golongan yang terlalu kaya dan golongan yang terlalu miskin;
- Jaminan sosial untuk setiap warganegara, melindungi kehidupan mereka dan berusaha mewujudkan suasana selesa dan bahagia untuk mereka;
- Menggalakkan masyarakat supaya memberi sumbangan untuk tujuan kebajikan, mewujudkan budaya tolong menolong di kalangan rakyat dan mewajibkan kerjasama untuk tujuan kebaikan dan ketakwaan;
- Mengiktiraf hak milik peribadi selagi mana tidak bertentangan dengan kepentingan awam;
- Mengatur urusan kewangan melalui undang-undang yang adil dan penyayang serta mewujudkan kawalan yang ketat dalam soal mata wang; dan
- Meletakkan negara sebagai pihak yang bertanggungjawab memelihara sistem ini.

Mereka yang mengkaji sistem Islam akan mendapati kesemua asas ini tercatat di dalam kitab suci al-Quran, al-Sunnah dan buku-buku fikah Islam dengan keterangan yang mendalam.

Diharapkan semoga kemunculan buku ini akan memberi kefahaman kepada kita dengan lengkap berkaitan urusan transaksi kewangan dan harta benda mengikut neraca syariat. Amin.

Akhukum fillah,

YBhg Dr. Zulkifli bin Mohamad al-Bakri
Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan

JAWATANKUASA SYARIAH BANK MUAMALAT MALAYSIA BERHAD

Jawatankuasa Syariah Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB) ditubuhkan selaras dengan peruntukan didalam Akta Bank Islam 1983, sebagai sebuah badan yang bertanggungjawab dalam menentukan perkara-perkara Syariah berhubung dengan produk, servis, aktiviti, operasi perbankan dan kewangan Islam, yang dilaksanakan oleh BMMB. Jawatankuasa dianggotai oleh para ilmuwan Syariah yang mempunyai kelayakan, pengalaman dan pengetahuan yang mendalam dalam pelbagai bidang, khususnya dalam bidang kewangan dan perundangan Islam.

YBhg Ustaz Azizi Che Seman

Pengerusi Jawatankuasa Syariah

YBhg Ustaz Engku Ahmad Fadzil Engku Ali

Ahli Jawatankuasa Syariah

YBhg Dr. Abdul Halim Muhammad

Ahli Jawatankuasa Syariah

YBhg Prof. Madya Dr. Mohamad Sabri Haron

Ahli Jawatankuasa Syariah

YBhg Dr. Zulkifli Mohamad al-Bakri

Ahli Jawatankuasa Syariah

YBhg Ustazah Wan Marhaini Wan Ahmad

Ahli Jawatankuasa Syariah

Bab Satu

Penerimaan Deposit Dari Agensi Insurans

Mukadimah:

Sekiranya syarikat insurans konvensional ingin membuka akaun simpanan/deposit di BMMB, adakah pihak Bank boleh menerimanya?

Jawapan:

Terlebih dahulu, penulis akan menerangkan beberapa istilah sebagai pencerahan terhadap permasalahan yang dikemukakan:

- **Deposit:** Menurut Kamus Dewan edisi keempat, deposit ialah simpanan wang di bank atau institusi yang serupa. Dengan kata lain, deposit ialah wang yang disimpan di bank atau institusi yang sama.
- **Agensi:** Agensi ialah organisasi perniagaan dan sebagainya yang mengendalikan sesuatu perkhidmatan.
- **Insurans:** Ia merupakan perjanjian tanggungan yang dibuat oleh sesebuah syarikat untuk mengganti kerugian dan bayaran premium tertentu.

Di sini, penulis akan menerangkan terlebih dahulu berkenaan dengan hukum insurans:

Sebenarnya insurans mempunyai banyak jenis, dan kami akan kemukakan terlebih dahulu berkenaan dengan beberapa fatwa berkaitan dengan insurans dan jenisnya, di antaranya:

- Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia Kali Ke-80 yang bersidang pada 1-3 Februari 2008 telah membincangkan kajian hukum Insurans Am. Muzakarah telah memutuskan bahawa hukum ke atas insurans am adalah **tidak diharuskan** oleh Islam.
- Insurans perniagaan atau *ta'min tijari*. Ia merupakan suatu kontrak perniagaan daripada jenis kontrak penukaran kewangan (*uqud mu'awadat maliah*). Ia mewajibkan syarikat insurans membayar jumlah tertentu kepada pencarum insurans apabila berlaku beberapa jenis kemalangan atau musibah yang telah ditentukan di dalam kontrak (akad) bersesuaian dengan kadar-kadar tertentu. Selain itu, ia juga bergantung kepada jumlah caruman pencarum. (Lihat *Uqud al-Ta'min* oleh Dr. Jamal Hakim, 1/33).
- Dalam istilah moden, penggunaan insurans atau *ta'min* digunakan. Penulis menukilkan pendapat ulama berkenaan insurans tijari (perniagaan):

Pertama: Ulama yang mengharuskan semua bentuk insurans. Antara mereka ialah:

- Syeikh Mustafa al-Zarqa;
- Al-Ustaz Abdul Rahman Isa;
- Dr. Muhammad al-Bahi;
- Ustaz Muhammad Yusuf Musa; dan
- Ustaz Ali al-Khafif.

Mereka ini adalah golongan minoriti yang mempertahankan pendapat mereka bahawa hukum insurans sama ada berasaskan perniagaan atau tidak adalah **harus** kerana ianya adalah berteraskan prinsip *al-Ta'awun*, iaitu tolong menolong. Setakat kajian ini dilakukan, mereka tetap berpendirian demikian walaupun setelah berlangsungnya Muktamar Fiqh Islami di Jeddah pada tahun 1985M.

Kedua: Ulama yang mengharamkan semua insurans berbentuk perniagaan. Antara mereka ialah:

- Al-Allamah Syeikh Ibn Abidin (Pengarang kitab Hasyiah yang terkenal);
- Syeikh Muhammad Bakhit al-Muti'e, Mantan Syaikhul Azhar;
- Dr. Isa Abduh;
- Syeikh Muhammad Ali al-Bulaqi;
- Syeikh Muhammad Najib al-Muti'e (Muhaqqiq kitab Majmu');;
- Syeikh Abdul Rahman Qar'ah;
- Syeikh Muhammad Najati;
- Syeikh Ahmad Ibrahim;
- Syeikh Muhammad Ali al-Sa'is;
- Syeikh Abdul Latif al-Subki;
- Syeikh Abdullah al-Naflaqqili;
- Dr. Muhammad Abu al-Yusur Abidin, Mufti Am Syria; dan
- Dr. Husin Hamid Hasan.

Inilah golongan majoriti yang dominan berpandangan bahawa akad insurans adalah akad yang **fasid** (rosak)

Ketiga: Ulama yang **mengharuskan sebahagian** dan **mengharamkan sebahagian** yang lain. Antara mereka ialah:

- Syeikh Najmuddin al-Iraqi;
- Syeikh Muhammad Mabruk;
- Syeikh Muhammad Faraj al-Sanhuri;
- Syeikh Muhammad al-Madani;
- Syeikh Muhammad Abu Zahrah;
- Syeikh Ahmad al-Syarbasi; dan
- Syeikh Abdullah bin Zaid al-Mahmud.

Mereka semua membezakan antara **insurans harta** seperti kereta dengan **mengharuskannya** dan **insurans nyawa** yang **diharamkannya**.

Keempat: Pendapat Tokoh Majma' Buhuth Islamiah al-Azhar dalam Muktamar Antarabangsa berkenaan insurans:

- Pendapat Dr. Muhammad Abdul Halim Umar merupakan Mudir Markaz Ekonomi al-Azhar berpendapat insurans menjadi halal apabila syarikat yang menguruskannya melaksanakan sebagaimana ketetapan syarak. Sekiranya pengurusan bercanggah dengan apa yang disyariatkan maka ia menjadi haram. Justeru, bagi syarikat insurans mestilah mengetahui peruntukan yang dibenarkan oleh syarak bagi menyediakan perkhidmatan kepada umat Islam.

- Pendapat Dr. Mu'awwadz Hassan Hasanain merupakan Pengerusi Lembaga Syarikat Misr li al-Ta'min (Insurans Mesir) menyandarkan pendapat beliau kepada Darul Ifta' bahawa insurans adalah halal kerana ianya adalah gambaran kepada saling bantu-membantu sesama manusia. Perbuatan saling-membantu ini disarankan oleh Allah SWT.
- Pendapat Dr. Fathi al-Syed menyatakan bahawa insurans yang berbentuk khidmat kemasyarakatan (Ta'awuni) adalah dibenarkan dalam Islam sebaliknya insurans berbentuk perniagaan adalah menyalahi syarak disebabkan terdapat unsur-unsur yang menyebabkan akad menjadi fasid (rosak) seperti riba dan gharar (ketidaktentuan).
- Pendapat Dr. Abdullah Mabruk al-Najjar menyatakan bahawa golongan yang berpendapat mengharuskan insurans berbentuk perniagaan menggunakan hujah-hujah dan qias yang salah disebabkan akad insurans perniagaan terdapat unsur riba sedangkan riba adalah haram.

Mungkin terdapat beberapa pandangan ulama lain yang tidak disebutkan di sini. Oleh itu beberapa pandangan ulama yang dikemukakan hanyalah merujuk kepada beberapa nama yang masyhur dan sering dinyatakan dalam pengkajian tentang insurans.

Keputusan Majlis Fatwa Kebangsaan Kali ke-16 mengambil keputusan seperti berikut:

Insurans nyawa sebagaimana yang dikendalikan oleh kebanyakan Syarikat Insurans yang ada pada hari ini adalah **haram** dan sebagai suatu muamalah yang **fasid** (rosak) kerana akadnya tidak sesuai dengan prinsip-prinsip Islam iaitu:

- Mengandungi gharar (ketidaktentuan);
- Mengandungi unsur judi; dan
- Mengandungi muamalah riba.

Keputusan Jawatankuasa Syariah BMMB:

Jawatankuasa telah mengharuskan penerimaan deposit tersebut kerana sumber depositnya bercampur-campur dan tidak jelas. Jawatankuasa juga tidak menghalang bank untuk menetapkan polisi yang lebih ketat. Namun, keharusan ini hanyalah diberikan kepada syarikat insurans konvensional yang mempunyai sumber depositnya bercampur-campur.

Kita berpegang kepada zahir dalam isu muamalat dan hukum fikah sedangkan Allah SWT yang mengetahui perkara ghaib dan batin. Antara alasan keharusan ialah berdasarkan kaedah asas dalam penentuan hukum urusan muamalat berkaitan harta menurut majoriti ulama dan mazhab ialah:

Maksudnya: *“Hukum asas dalam urusan muamalat ialah kembali melihat tujuannya dan maslahat kebaikan (yang boleh dicapai daripadanya).”*

Atau juga disebut:

Maksudnya: *“Hukum asal dalam semua perkara (kecuali ibadat dan hubungan lelaki dan perempuan) adalah harus dilakukan kecuali terdapat dalil yang menyatakannya sebagai haram.”*

Kaedah ini berdasarkan pelbagai nas dan dalil, antaranya sabda Nabi SAW yang bermaksud:

“Apa-apa yang dihalalkan oleh Allah maka ia halal, dan apa-apa yang diharamkan-Nya adalah haram, manakala apa yang tidak disebut adalah diampunkan. Terimalah kemudahan daripada Allah, dan sesungguhnya Allah tidak lupa akan sesuatu apapun.”

Riwayat al-Bazzar, al-Tabarani daripada Abu Darda', sanad hasan

Semoga penjelasan yang ringkas ini menepati matlamat hukum yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa Penasihat Syariah BMMB.

“Jawatankuasa mengharuskan penerimaan deposit daripada sumber yang bercampur-campur (halal dan haramnya).”

Bab Dua

Penerimaan Deposit Daripada Syarikat Yang Menjalankan Aktiviti Yang Tidak Patuh Syariah

Mukadimah:

Sekiranya terdapat syarikat-syarikat yang menjalankan aktiviti yang tidak patuh syariah, maka adakah mereka boleh berurusan dengan bank-bank Islam?

Jawapan:

Sebelum dilebarkan lagi perbincangan ini, suka dinyatakan bahawa dalam Islam keperluan seseorang melaksanakan kerja yang benar-benar menepati Syariat Islam. Justeru, sebarang unsur penindasan, kezaliman, penipuan dan ketidakpatuhan kepada Syariat adalah tidak dibenarkan. Penulis menukilkan kenyataan Dr. Yusuf al-Qaradhawi, antara lain menyebut:

“Tidak menjadi kesalahan bagi orang Islam untuk mengumpul harta kekayaan sebanyak mana yang dia mahu, selagi mana mengumpulkan harta tersebut dari jalan yang dihalalkan baginya, dan diperkembangkannya dengan cara yang diakui oleh syariat Islam.”

Jika sekiranya ada disebut pada sesetengah agama yang lain, ungkapan *“sesungguhnya orang kaya itu tidak dapat memasuki kerajaan langit sehingga unta dapat memasuki ke dalam lubang jarum”*, maka Islam pula menegaskan kepada penganutnya dengan ungkapan yang bermaksud:

“Sebaik-baik harta yang baik ialah harta yang dimiliki oleh orang yang salih.”

Riwayat Imam Ahmad

11

Oleh itu, Islam mengakui hak milik peribadi kepada mana-mana harta, maka wajarlah dilindungi hak milik itu dengan berpandukan prinsip-prinsip Syariah dan petunjuk moralnya, supaya hak milik itu tidak dicabuli melalui cara rampasan, penipuan atau seumpamanya.

Nabi SAW juga telah mengumpulkan antara kehormatan harta, darah dan jiwa dalam satu ungkapan. Baginda menjadikan pencurian itu sebagai suatu pekerjaan yang bertentangan dengan apa yang diwajibkan oleh iman. Baginda bersabda yang bermaksud:

“Tidak akan mencuri seorang pencuri ketika hendak mencuri sedang dia seorang yang beriman.”

Riwayat al-Bukhari dan Muslim

Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dan orang lelaki yang mencuri dan orang perempuan yang mencuri maka (hukumnya) potonglah tangan mereka sebagai satu balasan dengan sebab apa yang mereka telah usahakan, (juga sebagai) suatu hukuman pencegah dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.”

(Surah al-Maidah: 38)

Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

“Tidak halal bagi seseorang Muslim mengambil (merampas) sebilah tongkat tanpa adanya niat yang baik daripadanya.”

Riwayat Ibn Hibban dalam Sahihnya

Ini menunjukkan betapa beratnya hukuman yang diharamkan Allah tentang hak milik seorang Muslim. Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu makan (gunakan) harta-harta kamu sesama kamu dengan jalan yang salah (tipu, judi dan sebagainya), kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka di antara kamu.”

(Surah al-Nisa’: 29)

Al-Maraghi berkata: *“Janganlah kamu memberi kepada hakim. Tindakan kamu yang meminta pertolongan hakim bagi mengambil sebahagian harta orang lain secara batil adalah haram. Ini disebabkan kerana keputusan hakim tidak dapat mengubah kebenaran dan tidak pula menghalalkannya bagi pihak yang menang. Ketetapan hakim hanya berlaku secara lahiriah sahaja semata-mata dan ia tidak menghalalkan sesuatu yang haram.”*

Justeru itu, walaupun seorang hakim menetapkan suatu akad itu sah sedangkan lelaki itu berakad nikah dengan seorang wanita dengan saksi palsu, namun lelaki tersebut tidak halal mencampuri isterinya tanpa akad yang sah. Dia tidak boleh berasa cukup semata-mata dengan keputusan hakim, padahal dia mengetahui tindakannya tidak benar. Untuk melengkapkan lagi jawapan di atas, penulis menukikan beberapa noktah:

- Harta haram yang diketahui pada zatnya haram, maka tidak boleh diterimanya sebagai hadiah meminjam dan diberi pinjam, begitu juga mengambil manfaat dengannya. Inilah yang dinyatakan oleh Syeikh al-Khurasani pada Syarahnya, *Mukhtasar Khalil*, antara lain menyatakan, *“Adapun siapa yang semua hartanya haram, maka Syeikh Sulaiman dalam Syarah al-Irsyad telah mengharamkan untuk makan daripadanya dan juga menerima hadiah serta bermuamalah dengannya, iaitu jika diketahui bahawa apa yang dimakannya atau dihadihkannya telah dibelinya dengan menggunakan sumber yang haram.”*
- Sesiapa yang membeli sesuatu barang dengan harga pada tanggungannya, kemudian diberikan kepadanya dari *‘ain* (zat) yang haram, maka tidak haram dia memakannya. Adapun jika dia mewarisinya atau dihadihkannya, maka harus demikian itu selama mana bukan daripada zat yang haram.
- Jika bercampur antara halal dan haram, ada dua keadaan:
 - i. **Di mana halal yang paling banyak.** Dalam keadaan ini tidak mengapa berinteraksi kerana kebanyakan hartanya dalam kategori halal. Walaupun begitu, kebanyakan ahli ilmu memakruhkan bermuamalah dengannya. Dalam kitab *Majma’ al-Anhur*, antara lain menyatakan: Ghalib harta yang memberi hadiah, jika sekiranya halal, maka tidak mengapa menerima hadiah tersebut dan makan daripadanya selama mana tidak nyata daripada haramnya. Ini kerana harta manusia tidak sunyi daripada haram, maka yang diiktibarnya berdasarkan ghalibnya.

- ii. **Jika sekiranya pemberatnya adalah haram**, tetapi masih lagi tidak dapat membezakan antara keduanya iaitu halal dan haram, maka ulama telah khilaf kepada dua pendapat:
- Jumhur ulama berpendapat boleh bermuamalah, tetapi hukumnya makruh. Dalam *Majmu' al-Anhur* menyebut: Jika ghalib hartanya haram, maka tidak boleh diterima dan makan, kecuali jika dia berkata ia adalah halal yang saya warisnya dan meminjamnya. Atas asas inilah ramai ashab kita berkata: *"Kalau warisnya mengambil secara rasuah atau zalim, jika diketahui oleh pewaris selepas itu secara jelas, maka tidak halal bagi pewaris mengambilnya. Sebaliknya jika dia tidak mengetahui, maka boleh dia mengambilnya pada sudut hukum, tidak pada agama dan warak yang selayaknya dengan bersedekah."*
 - Imam Suyuthi dalam *al-Asybah wa al-Nazair* berkata: *"Muamalah dengan harta yang kebanyakannya haram jika masih tidak diketahui 'ain dan zatnya, maka tidaklah haram mengikut pendapat yang paling tepat (asah), tetapi makruh."*
 - Mazhab Maliki mengikut pendapat yang paling tepat (asah) hukumnya haram. Hal ini berdasarkan dalam Syarah Khalil oleh al-Khuras: *"Adapun jika sekiranya harta tersebut banyak haram, maka ditegah dan ada pendapat menyatakan makruh."*

Keputusan Jawatankuasa Syariah BMMB:

Jawatankuasa telah memutuskan keharusan menerima deposit tersebut kerana dalam kes pelaburan, bank tidak perlu mempersoalkan sumber wang yang disumbangkan oleh pemodal. Namun begitu, majoriti berpendapat lebih baik bank menolak deposit daripada syarikat insurans konvensional dengan berteraskan kepada prinsip *Sad al-Zarai'* bagi mengelak bank daripada terjerumus di dalam aktiviti yang tidak patuh Syariah dan juga membantu insurans yang berteraskan konvensional.

"Nabi SAW telah membenarkan sesetengah kaedah jual beli yang lama, iaitu selagi ianya tidak bertentangan dengan prinsip-prinsip perniagaan yang telah ditetapkan oleh syariat."

Bab Tiga

Ciri-ciri Deposit Yang Boleh Diterima

Mukadimah:

Dalam industri perbankan Islam, bank tidak terlepas daripada risiko terjerumus dengan pelbagai bentuk aktiviti yang tidak patuh Syariah, maka persoalan di sini ialah:

Adakah Bank perlu memastikan bahawa wang yang hendak disimpan dalam bentuk deposit (*Wadiah atau Mudharabah*) diwajibkan daripada sumber yang halal?

Jawapan:

Dalam Jurnal Muamalat 3/2010 terbitan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) menyatakan: Sebahagian besar ulama semasa berpendapat bahawa institusi kewangan Islam harus bermuamalat dengan institusi kewangan konvensional dengan syarat transaksi tersebut mestilah yang halal. Pendapat ini ialah dari sebahagian besar institusi-institusi kewangan Islam di Timur Tengah seperti Kuwait Finance House, *Hai'ah Kibaar al-Ulama* (Lembaga Ulama Besar) di Saudi, Accounting and Auditing Organisation of Islamic Financial Institutions (AAOIFI) dan sebagainya.

Penasihat Syariah Kuwait Finance House telah diminta untuk memberikan fatwa mengenai isu menandatangani wang di bank konvensional tanpa riba. Penasihat Syariah Kuwait Finance House menyatakan: "Sekalipun saya tidak suka bermuamalat dengan bank riba (konvensional) walaupun muamalat itu muamalat tanpa riba, tetapi disebabkan *umum al-balwa* dan keperluan masyarakat untuk bermuamalat dengan bank tersebut, maka saya membenarkan. Oleh itu tidak mengapa untuk meminjamkan kepada mereka dengan *qardh al-hasan* dan meminta pinjaman dengan mereka juga dengan *qardh al-hasan* sebagai galakan kepada mereka untuk bermuamalat tanpa riba."

Hai'ah Kibar al-Ulama di Arab Saudi mengeluarkan fatwa berkenaan urusan dengan bank konvensional: "Urusan pemindahan (transfer) wang daripada sesuatu bank ke sesuatu bank (yang lain) adalah harus sekalipun dengan bayaran tambahan yang dikenakan oleh bank (konvensional) yang melakukan transaksi pemindahan kerana lebih yang diambil oleh bank (konvensional) merupakan upah (bukan riba) di atas urusan pindahan yang dilakukan oleh pihaknya (bank konvensional)."

Fatwa ini jelas menunjukkan keharusan bermuamalat dengan institusi kewangan konvensional menggunakan transaksi halal sekalipun keuntungan itu diperolehi oleh institusi haram tersebut.

Shariah Standards 2007 terbitan Accounting and Auditing Organisation of Islamic Financial Institutions (AAOIFI), no. 6, perkara 4 (b) selepas menyatakan keharusan bermuamalat dengan bank pusat yang konvensional, maka harus juga bermuamalat dengan bank konvensional yang lain sambil menegaskan syarat bahawa muamalat itu mestilah dalam transaksi yang halal: "Mesti dipastikan bermuamalat dengan bank konvensional di atas tidak bermuamalat dengan riba dan mestilah menggunakan perkataan-perkataan (kontrak) yang diterima oleh syariat."

Dubai Islamic Bank di Emirate juga melakukan transaksi Islam dengan syarikat yang haram iaitu bank konvensional di Amerika Syarikat, United Kingdom dan juga Switzerland.

Banyak lagi institusi-institusi kewangan Islam yang melakukan transaksi Islam dengan bank-bank riba utama dunia.

Sekalipun Bank Negara Malaysia di dalam Resolusinya tidak menetapkan secara jelas tentang kebenaran pengambilan dana daripada sumber haram, tetapi dalam masa yang sama mereka menukikan pandangan Dr. Abbas Ahmad Muhammad al-Baz yang mengharuskan pengambilan deposit daripada sumber yang tidak halal dengan berhujahkan ayat al-Quran yang bermaksud:

“(Iaitu) bahawasanya seorang yang berdosa tidak akan memikul dosa orang lain. Dan bahawasanya seorang manusia tiada memperoleh selain apa yang telah diusahakannya.”

(Surah al-Najm: 38-39)

Isu yang menjadi fokus kepada mereka hanyalah keharusan bermuamalat dengan bank konvensional atau bermuamalat dengan dana yang sumbernya riba. Sekalipun begitu, ia juga merangkumi hukum yang berkait dengan sumber arak, judi dan sumber lain kerana sumber haram yang lain adalah lebih ringan daripada riba. Ini kerana larangan riba sangat keras berbanding dengan larangan seperti arak, judi dan larangan lain kerana larangan riba sehingga tahap mengisytiharkan perang berbeza larangan arak, judi dan seumpamanya. Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Maka jika kamu tidak mengerjakan (meninggalkan sisa riba), maka ketahuilah, bahawa Allah dan rasul-Nya akan memerangimu.”

(Surah al-Baqarah: 279)

Sebenarnya hujah golongan pertama dalam konteks ini ialah hujah yang sama dibentang dan dibahaskan dalam fasa pertama. Sebagai tambahan kepada hujah yang dinyatakan dalam fasa pertama, golongan ini melihat harus bermuamalat dengan institusi kewangan konvensional dalam transaksi yang halal dengan hujah Nabi SAW dan para sahabat Baginda bermuamalat dengan Yahudi di Madinah dengan muamalat yang harus dan mereka tidak bertransaksi dengan yang haram. Sebagaimana diketahui umum, orang Yahudi bermuamalat dengan riba antara satu sama lain.

Di samping itu, Nabi SAW juga pernah berhutang dengan Yahudi dan Baginda wafat dalam keadaan baju besinya masih lagi di tangan Yahudi sebagai gadaian. Para sahabat Baginda juga bermuamalat dengan musyrikin Mekah dan dengan peniaga-peniaga kafir ketika pergi ke Syam dan Yaman sebelum negara-negara tersebut memeluk Islam.

Sebahagiannya pula berhujahkan hajat keperluan dan kesusahan umum (*umum al-balwa*). Ini kerana pendapatan haram hasil daripada riba yang berlegar dalam pasaran kini besar jumlahnya. Jika keseluruhan dana Islam dianggarkan sekitar ratusan bilion dolar Amerika Syarikat (USD), jumlah ini sangat kecil berbanding dengan dana yang beroperasi secara riba mencecah puluhan trilion USD. Jumlah yang besar itu, maka wang hasil perbuatan haram berlegar dalam pasaran tanpa dikenal pasti dengan jelas yang mana haram dan yang mana halal.

Sebahagian ulama semasa berpendapat bahawa institusi kewangan Islam tidak harus sama sekali bermuamalat dengan syarikat haram khususnya bank konvensional dalam semua lapangan. Hujah yang dikemukakan oleh golongan ini kerana keterlibatan dengan syarikat haram kemudian keuntungannya akan kembali semula kepada operasi syarikat tersebut. Ini akan membantu syarikat haram itu meneruskan

operasinya yang haram. Hujah ini sama dengan hujah yang dibentangkan dan dibahasakan dalam bab pertama.

Jawapan kepada hujah ini dari sudut *al-Jami' baina al-Muftariqat* (percampuran antara perkara-perkara yang berbeza) cukup jelas. Kenapa muamalat ini diharamkan sedangkan pada masa yang sama Islam mengharuskan menjual keperluan asasi seperti beras, gandum dan sebagainya kepada golongan penyembah berhala? Sedangkan pada hakikat sekiranya umat Islam membekalkan beras kepada mereka bermakna umat Islam membantu penyembah berhala tersebut meneruskan kehidupan dengan melakukan perbuatan syirik dan seterusnya menambahkan dosa syiriknyanya.

Secara zahir menjual barangan keperluan hidup kepada penyembah berhala seolah-olah membantu mereka dalam meneruskan perbuatan tersebut. Dalam hal ini, tiada ulama yang berpendapat haram menjual barangan keperluan kepada kafir zimmi sekalipun tanpa ragu mereka ialah penyembah berhala dalam negara Islam. Jika dikatakan sambungan talian hayat hidupnya memungkinkan penyembah berhala akan menganut Islam suatu hari nanti. Oleh kerana andaian positif ini mungkin boleh terjadi, maka diharuskan menjual beras dan segala keperluan hidup kepada mereka.

Situasi sama seperti umat Islam bertransaksi dengan bank konvensional berkemungkinan akan berubah seratus peratus menjadi perbankan Islam atau sekurang-kurangnya institusi tersebut membuka Jendela Perbankan Islam (Islam Banking Windows) sahaja. Pada masa itu, wang tersebut sama ada menjadi pembantu kepada operasi kewangan Islam atau akan disalurkan kepada badan kebajikan. Ini juga adalah andaian positif yang boleh berlaku.

Keputusan Jawatankuasa Syariah BMMB:

Jawatankuasa berpendapat sekiranya bank mengetahui dengan yakin bahawa wang yang akan disimpan adalah bersumberkan dari yang haram, maka bank hendaklah menolak permohonan tersebut secara baik.

“Bank boleh menolak permohonan deposit yang bersumberkan dari yang haram, sekiranya Bank mengetahuinya dengan yakin.”

Bab Empat

Akaun Simpanan dan Semasa Berkonsepkan Mudharabah

Mukadimah:

Pada masa sekarang, akaun simpanan dan semasa di BMMB adalah berdasarkan konsep *Wadi'ah Yad Dhamanah*. Oleh kerana terdapat banyak halangan dalam mempromosikan produk ini, pihak Bank bercadang untuk menukar prinsip Syariah yang diaplikasikan iaitu *Mudharabah*. Maka persoalannya adalah seperti berikut:

- **Pertama:** Bagi kontrak *Mudharabah*, bolehkah modal (prinsipal/pokok) dijamin sekiranya berlaku kerugian dalam pelaburan?
- **Kedua:** Nisbah perkongsian keuntungan adalah lebih tinggi untuk Bank berbanding untuk pendeposit. Adakah ia dibolehkan?
- **Ketiga:** Nisbah perkongsian keuntungan yang dipersetujui di antara Bank dan pelanggan untuk akaun simpanan dan akaun semasa *Mudharabah* telah ditetapkan pada kadar yang lebih rendah dan tempoh adalah berdasarkan satu bulan ke satu bulan tertakluk kepada pembaharuan atas nisbah perkongsian yang sama. Bagaimanapun, Bank atas budi bicaranya akan mengagihkan keuntungan atas nisbah yang berlainan berdasarkan paras kedudukan tertentu baki terkini. Apakah pandangan/pendapat Syariah mengenai amalan sebegini?
- **Keempat:** Sekiranya baki terkini jatuh di bawah paras minima, adakah boleh dianggap pelanggan telah membatalkan akad kontrak *Mudharabah* dan tiada dividen akan dibayar kecuali hibah (atas budi bicara Bank). Apabila jumlah meningkat melebihi paras minima, akad baru akan berlaku secara automatik berdasarkan nisbah perkongsian keuntungan minima. Dari perspektif Syariah, bolehkah Bank melaksanakan operasi sebegini?
- **Kelima:** Bolehkah haul dan nisab untuk bayaran zakat dikira berdasarkan kalendar Masihi?

Jawapan:

Diterangkan terlebih dahulu istilah dalam muamalat agar kefahamannya lebih jelas dan terserlah, antaranya:

- *Wadi'ah Yad Dhamanah*. Barangan atau deposit yang disimpan untuk orang lain yang bukan pemiliknya. Memandangkan *wadi'ah* adalah amanah, deposit menjadi dan menjamin pembayaran balik jumlah keseluruhan deposit tersebut atau sebarang bahagian yang masih belum jelas dalam akaun pendeposit apabila diminta. Pendeposit tidak berhak kepada sebarang perkongsian keuntungan tetapi deposit boleh memberikan pulangan kepada pendeposit sebagai penghargaan.
- *Mudharabah*. Kontrak antara dua pihak untuk membiayai usaha niaga perniagaan. Kedua-dua pihak adalah *Rabbul Mal* atau pelabur tunggal yang menyediakan modal dan *mudharib* atau usahawan tunggal yang menguruskan projek tersebut. Jika usaha niaga itu mendatangkan keuntungan, ia akan dibahagikan berdasarkan nisbah yang telah dipersetujui. Jika perniagaan itu mengalami kerugian, ia akan ditanggung sepenuhnya oleh penyelia modal.

Keputusan Jawatankuasa Syariah BMMB:

Dikemukakan disini jawapan bagi persoalan di atas:

- **Pertama:** Jawatankuasa telah memutuskan jika jaminan tersebut datanganya daripada pihak ketiga, maka ia diharuskan.

Ulasan: Ini kerana tiada sebarang unsur gharar dan juga judi.

- **Kedua:** Penetapan peratus keuntungan *Mudharib (pengusaha)* lebih tinggi daripada *Rabbul Mal (pemodal)* adalah tidak menyalahi prinsip kontrak Mudharabah sekiranya kedua-dua pihak bersetuju.

Ulasan: Diriwayatkan daripada al-Ala' bin Abdul Rahman daripada bapanya dan daripada datuknya yang bermaksud:

"Suatu ketika Uthman RA memberikan kepadanya harta sebagai pelaburan untuk dia usahakan dan keuntungan akan dibahagi sesama mereka."

Hadis di atas ini diriwayatkan Imam Malik (2/687) dan al-Baihaqi (6/111)

Daripada hadis ini jelas menunjukkan bahawa keuntungan dibahagi antara kedua-duanya tetapi jumlah pembahagian tertakluk kepada terma perjanjian. Dalam *al-Fiqh al-Manhaji* menyebut secara khusus berkenaan dengan isu keuntungan:

Keuntungan Hanya Dikongsi antara Pelabur dan Pengusaha

Keuntungan disyaratkan mesti dikongsi bersama oleh pelabur dan pengusaha. Pelabur akan mengambil hasil pelaburan modalnya, sementara pengusaha akan memperolehi hasil usahanya.

Dengan ini, pelabur memperolehi keuntungan berdasarkan modal miliknya dan pengusaha memperolehi keuntungan berdasarkan kerjanya. Jika keuntungan hanya dibayar kepada satu pihak sahaja, kontrak tersebut tidak sah. Ini kerana syarat ini bercanggah dengan kandungan kontrak.

Sekiranya disyaratkan keuntungan diserahkan keseluruhannya kepada pengusaha, kontrak tersebut tidak sah dan seluruh keuntungan akan menjadi milik pelabur. Pengusaha akan mendapat upah yang sepadan kerana kerja yang dilakukannya bertujuan mendapatkan hasil dan keuntungan.

Jika ditetapkan keuntungan diserahkan keseluruhannya kepada pelabur, kontrak ini tidak sah. Dalam keadaan ini, pengusaha tidak berhak memperolehi sebarang hasil. Ini kerana kerja yang dilakukan adalah secara sukarela dan bukan bertujuan memperolehi keuntungan.

Disyaratkan keuntungan kedua-dua pihak mestilah ditetapkan pada kadar tertentu. Maksudnya, hasil yang bakal diperolehi akan dibahagikan mengikut peratusan tertentu, contohnya 25%, 50% atau lebih, kurang dan sebagainya.

Sesuatu kontrak tidak sah jika pembahagian keuntungan tidak dinyatakan dengan jelas. Ini kerana keuntungan adalah tujuan utama di sebalik kontrak ini. Ia menjadi perkara asas dalam kontrak. Ketidakpastian pada

perkara asas menyebabkan kontrak tersebut tidak sah. Sama seperti ketidakpastian barang yang dijual dalam kontrak jual beli.

Kontrak pelaburan juga tidak sah jika kadar keuntungan yang bakal diperolehi oleh salah satu pihak ditentukan menurut kadar jumlah tertentu¹.

Contohnya, syarat tersebut menyatakan salah satu pihak akan menerima RM1000 daripada keuntungan atau jumlah tertentu. Ini kerana terdapat kemungkinan jumlah keuntungan keseluruhan tidak melebihi jumlah tersebut dan menyebabkan hanya pihak tersebut sahaja yang memperolehi keuntungan. Ini bermakna, tidak wujud perkongsian untung. Sekaligus tidak wujud perkongsian syarikat dan kerja yang dilakukan bukan berbentuk pelaburan atau *Mudharabah*, maka akad akan menjadi fasid (rosak).

Dengan ini, kontrak tidak sah dan di dalam keadaan seperti ini, semua keuntungan akan diperolehi oleh pelabur dan pengusaha akan mendapat upah yang sepadan.

Begitu juga, jika pelabur menetapkan pengusaha akan memperolehi jumlah tertentu daripada keuntungan. Contohnya pelabur menetapkan pengusaha memperolehi gaji bulanan berjumlah RM1000 dan 5% daripada keuntungan. Kes ini sama seperti kes sebelum ini kerana mungkin untung tidak lebih daripada apa yang ditetapkan.

Dari sini, kita dapati kebanyakan urusaniaga yang dijalankan pada hari ini adalah tidak sah. Ini kerana ramai pelabur mengikat kontrak hari ini dengan pengusaha yang akan mengusahakan modal mereka dan pengusaha ditetapkan memperolehi gaji bulanan dengan jumlah tertentu. Pengusaha ini juga akan memperolehi peratusan keuntungan tertentu yang diperolehi ketika kiraan tahunan atau sebagainya.

Selain syarat-syarat di atas, syarat lain yang perlu dipatuhi ialah keuntungan yang diperolehi mestilah diagihkan kepada pelabur dan pengusaha sahaja.

Sebarang syarat yang menyatakan sebahagian untung ini akan diberikan kepada pihak ketiga adalah tidak diharuskan. Kecualilah jika pihak ketiga ini disyaratkan perlu bekerja dengan pengusaha. Dalam keadaan ini, pelabur seolah-olah membuat kontrak dengan dua orang pengusaha atau lebih.

Nota:

1 Dinyatakan beberapa keputusan antaranya:

- *Majlis Penasihat Syariah Dunia, AAOIFI menjelaskan fatwanya: "Apabila mana-mana pihak menetapkan baginya satu jumlah keuntungan yang tetap dan pasti, maka rosaklah akad pelaburan mudharabah itu." (al-Ma'ayir al-Syarieyyah AAOIFI, hlm. 240).*
- *Keputusan Majlis Fatwa Kebangsaan pula pernah mengharamkan pelaburan melalui Internet kerana beberapa ciri tertentu. Yang paling utama ialah jaminan dan promosi keuntungan tetap dan jaminan modal dalam sebuah pelaburan.*
- *Ia juga telah diputuskan haram secara sepakat Kesatuan Ulama Fiqh Sedunia pada tahun 1992 yang mewartakan: "Sebarang pelaburan yang pihak pengusaha (mudharib atau syarikat) menjamin satu kadar pulangan tertentu kepada pelabur (peserta), maka ia adalah haram kerana menukar sifat pelaburan secara Islam kepada elemen pinjaman dengan janji faedah riba." (Majma' Fiqh al-Islami, Qarar wa Tawsiyat). Malah hal pengharaman terhadap ciri tersebut telah disepakati (ijmak) dalam kalangan ulama terdahulu.*
- *Keputusan Majlis Kesatuan Fiqh Sedunia mencatatkan: "Telah ijmak seluruh imam-imam (mujtahid) di mana termasuk dalam syarat sah sesebuah pelaburan mudharabah, pembahagian keuntungan mestilah dibuat secara nisbah untuk pelabur dan pengusaha tanpa menentukan jumlah tertentu bagi sesiapa antara mereka."*

- **Ketiga:** Jawatankuasa mencadangkan agar ketika pelanggan ingin membuka akaun dengan Bank, akad hendaklah dibuat berdasarkan kesemua kadar perkongsian keuntungan yang berbeza mengikut jumlah deposit pelanggan. Ini bermakna, pelanggan pada peringkat awal telah bersetuju terhadap kadar perkongsian keuntungan yang akan berubah mengikut jumlah modal/deposit yang dilaburkan pada tempoh tertentu.

Ulasan: Ia bergantung kepada terma perjanjian dan juga syarat yang telah ditetapkan. Ini selaras dengan hadis Nabi SAW yang bermaksud:

“Umat Islam wajib berpegang dengan syarat-syarat yang mereka persetujui.”

(Riwayat al-Tirmizi 1352)

- **Keempat:** Jawatankuasa tidak bersetuju dengan cadangan agar kontrak *Mudharabah* dianggap batal sekiranya baki terkini jatuh di bawah paras minima. Ini kerana, akan timbul masalah untuk pelanggan datang semula ke Bank bagi memperbaharui akad *Mudharabah*.

Ulasan: Sebaik-baiknya perlaksanaan perjanjian memberi manfaat dan keuntungan kepada dua pihak. Dalam *al-Fiqh al-Manhaji* menyebut berkenaan dengan tanggungjawab pengusaha iaitu:

- i. Pengusaha bertanggungjawab melakukan semua kerja yang perlu bagi menjayakan pelaburan. Ini adalah jika kerja-kerja tersebut mengikut kebiasaannya dilakukan oleh pengusaha atau menjadi amalan di kalangan ahli perniagaan melakukannya sendiri. Ini tanpa mengira walaupun pengusaha sendiri tidak biasa melakukannya.
 - ii. Sekiranya pengusaha mengupah seseorang untuk melakukan kerja yang kebiasaannya perlu dilakukannya sendiri, upah tersebut perlu dibayar daripada wangnya sendiri dan bukannya daripada wang pelaburan. Jika pengusaha meletakkan syarat pelabur perlu memberi upah kepada pekerja tersebut dan ia akan diambil daripada wang pelaburan, kontrak tersebut tidak sah. Ini kerana syarat ini bercanggah dengan tuntutan kontrak pelaburan, iaitu menurut kontrak pelaburan, kerja perlu dilakukan oleh pihak yang tidak melabur.
 - iii. Sementara bagi kerja yang kebiasaannya tidak perlu dilakukannya sendiri, pengusaha boleh mengupah orang untuk melakukannya dengan membayar menggunakan wang pelaburan. Ini kerana kerja-kerja tersebut adalah sebahagian daripada keperluan perniagaan dan untuk kepentingannya.
 - iv. Amalan kebiasaan juga tidak mewajibkan pengusaha melakukannya walaupun dia biasa melakukannya sendiri. Walau bagaimanapun, sekiranya pengusaha melakukan sendiri kerja tersebut, dia dikira melakukannya secara sukarela. Dia tidak dibenarkan mengambil upah menggunakan wang pelaburan. Ini kerana dengan mengambil upah, dia telah mengupah dirinya sendiri dan ini tidak dibenarkan.
- **Kelima:** Jawatankuasa membenarkan penggunaan kalendar Masihi. Akan tetapi, Jawatankuasa berpendapat seboleh-bolehnya kalendar hijrah digunakan.

Ulasan: Penggunaan kalendar masihi telah dibincangkan berkenaan dengan bayaran zakat tetapi sebagaimana yang diketahui ia lebih panjang daripada kalendar hijrah.

Justeru, membayar zakat lebih awal daripada kiraan masihi dan tidak bersalahan dengan masa hijri jauh lebih baik. Ulama fikah telah membahaskan satu bab berkenaan dengan haul dan maksudnya dalam syarat wajib zakat.

Bab Lima

Penukaran Kontrak Mudharabah Kepada Ar-Rahn Bagi Menjadikannya Sekuriti Deposit

Mukadimah:

Pihak bank berhasrat untuk menamatkan akaun pelaburan am (GIA) yang berlandaskan kepada prinsip *al-Mudharabah* dan menukarkannya kepada prinsip *ar-Rahn* iaitu satu kontrak yang tidak memberi apa-apa pulangan kepada pelanggan. Untuk makluman, akaun simpanan *mudharabah* di Bank juga menjadi salah satu jenis cagaran atau sekuriti kepada pembiayaan-pembiayaan lain yang dibuat oleh pelanggan.

Jawapan:

Bagi memperincikan lagi permasalahan ini, penulis akan menjelaskan beberapa definisi dan istilah bagi memberi pencerahan yang sewajarnya kepada para pembaca:

- **Kontrak *Mudharabah*:** Dalam bahasa Arab, *mudharabah* dipetik daripada kata-kata *dharb fi al-ardh* yang bermaksud bermusafir. Amalan ini dinamakan sedemikian kerana kebiasaannya perniagaan akan melibatkan perjalanan jauh untuk memperolehi barangan, memasarkan, mengaut keuntungan dan sebagainya.
- ***Ar-Rahn*:** Menurut bahasa Arab, *ar-Rahn* atau gadaian bermaksud menahan. Hal ini dinyatakan melalui firman Allah SWT yang bermaksud:

“Tiap-tiap diri terikat, tidak terlepas daripada (balasan buruk bagi amal jahat) yang dikerjakannya.”
(*Surah al-Muddathir: 38*)

Maksud ayat ini ialah pada hari Kiamat kelak, semua manusia akan ditahan dan dihalang daripada masuk ke dalam syurga disebabkan perbuatan mereka di dunia kecuali setelah mereka dibicarakan.

Istilah ini juga membawa maksud tetap dan berterusan. Ini dinyatakan oleh kamus *Mukhtar al-Sihah “arhantu lahum al-ta’am wa al-syarab”* (saya sentiasa bekalkan kepada mereka makanan dan minuman). Contoh lain, *“al-Ahwal ar-Rahinah”* (keadaan masa kini dan berterusan).

Istilah ini menurut syarak pula merujuk kepada kontrak gadaian. Ini berdasarkan kepada asas dan pengertian yang biasanya dimaksudkan oleh ulama fikah. Dijelaskan di sini beberapa pengertian tentang gadaian mengikut mazhab, antaranya:

- i. Ulama Maliki mendefinisikan gadaian sebagai sesuatu barang yang bernilai yang diambil daripada pemiliknya sebagai pegangan atau jaminan bagi sesuatu hutang yang lazim iaitu satu akad yang membolehkan memegang harta seperti harta tak alih, binatang, barang dagangan atau manfaat (yang boleh diambil untuk sesuatu tempoh atau pekerjaan) mengaitkan dengan hutang.
- ii. Ulama Syafie mendefinisikan gadaian sebagai menjadikan sesuatu (harta) pegangan (jaminan) bagi sesuatu hutang yang boleh digunakan untuk melunaskan hutang jika penghutang gagal melunaskannya.

- iii. Ulama Hanbali mendefinisikan bahawa gadaian merupakan harta yang dijadikan pegangan bagi sesuatu hutang dan dengan itu ia boleh digunakan untuk membayar jika penghutang gagal membayar hutangnya kepada pemiutang.

Keputusan Jawatankuasa Syariah BMMB:

Jawatankuasa melarang Bank menggunakan prinsip *ar-Rahn* kerana bertentangan dengan kaedah syarak, sebaliknya mengesyorkan pemakaian prinsip *al-Wadi'ah*.

Menurut kehendak dan prinsip Syariah, terdapat lima rukun yang perlu dipatuhi:

1. Pemberi gadai (*al-Rahin*)
2. Penerima barang gadaian (*al-Murtahin*)
3. Barang gadaian (*al-Marhun*)
4. Hutang (*al-Marhun bih*)
5. Sighah (*Ijab dan Qabul*) iaitu majlis penyerahan dan penerimaan gadaian.

Selain itu, syarat sah gadaian ialah akad gadaian mestilah dilakukan melalui ijab dan qabul (tawaran dan penerimaan), pemberi gadai (*al-Rahin*), penerima barang gadaian (*al-Murtahin*) hendaklah terdiri daripada orang yang mempunyai kelayakan yang sewajarnya untuk mentadbir harta (*Mutlaq al-Tasarruf*) iaitu mestilah orang yang telah baligh dan berakal.

Barang yang digadaikan (*al-Marhun*) mestilah milik orang yang menggadai dan sah untuk dijual beli. Selain itu, gadaian tersebut dibuat atas kerelaan *al-Rahin* tanpa paksaan. Seterusnya diterangkan simpanan atau *wadi'ah* mengikut fikah:

Dalam bahasa Arab, *wadi'ah* atau simpanan merujuk kepada perbuatan meletakkan sesuatu barang kepada seseorang yang bukan pemiliknya untuk dijaga. Istilah ini juga digunakan untuk barang yang ditinggalkan. *Wadi'ah* adalah kata terbitan *al-Wad'i* iaitu peninggalan. Perkataan ini ada disebutkan dalam sebuah hadis yang bermaksud:

"Mereka hendaklah menghentikan perbuatan meninggalkan sembahyang Jumaat atau Allah akan menutup pintu hati mereka kemudian mereka akan kekal sebagai orang-orang yang alpa."

Riwayat Muslim (865)

Istilah ini menurut Syarak pula merujuk kepada sesuatu barang yang disimpan. Ia juga merujuk kepada kontrak penyimpanan. Maksud kedua inilah yang dimaksudkan dalam tajuk ini. Dengan ini *wadi'ah* bermaksud:

"Mewakilkkan seseorang untuk memelihara sesuatu hak milik atau sesuatu yang dihormati secara khusus (muhtaram makhsus) dengan cara yang tertentu."

Terdapat beberapa pengertian berkenaan hal ini, antaranya:

- i. Dari segi syarak disebut atau dikenali sebagai (*al-Ida'*) dan ke atas barang yang disimpan. Pendapat yang kuat ialah simpanan atau adalah satu akad. Pengertian simpanan di sisi kumpulan ulama mazhab Hanafi

ialah memberi kuasa kepada orang lain untuk menjaga hartanya sendiri, secara jelas (terus terang) atau secara dalil (yang tersirat) seperti kata pemberi *wadi'ah* kepada orang lain.

- ii. Mazhab Syafie dan Maliki mewakilkan kepada orang lain supaya menjaga harta benda yang dimilikinya, atau benda yang haram yang khas ditentukan berdasarkan maksud yang khusus.

Dalam buku Kewangan Islam Fiqh Syafie, diterangkan berkenaan rukun-rukun dan syarat-syarat *wadi'ah*. Simpanan mengandungi tiga rukun, iaitu: Dua pihak yang berkontrak, lafaz kontrak dan simpanan. Setiap rukun perlu memenuhi beberapa syarat:

- **Pertama:** Dua Pihak yang Berkontrak

Mereka ialah penyimpan yang merupakan pemilik barang yang disimpan dan penjaga simpanan.

Kedua-dua mereka disyaratkan mestilah berkelayakan melantik wakil kerana kontrak simpanan bermaksud mewakilkan sesuatu untuk disimpan. Oleh itu, sesiapa sahaja yang layak menjadi wakil, sah untuk menerima simpanan. Sementara orang yang layak mewakilkan orang lain, adalah sah menyerahkan simpanan kepada seseorang.

Dalam tajuk *wakalah* pewakil dan wakil yang disyaratkan mestilah berakal dan baligh. Kedua-dua mereka ini dibenarkan melakukan sesuatu transaksi bagi perkara yang diwakilkan iaitu sebagai wakil atau orang yang diwakilkan.

Kanak-kanak atau orang gila tidak boleh bertindak sebagai penyimpan atau penjaga simpanan kerana tidak tertakluk kepada perintah-perintah syarak (bukan mukallaf).

Orang yang tertahan daripada membelanjakan harta kerana bodoh juga tidak dibenarkan bertindak sebagai penyimpan kerana simpanan adalah suatu bentuk pengurusan harta dan ini tidak boleh dilakukan oleh mereka.

Selain itu, orang Islam juga tidak dibenarkan meminta orang bukan Islam menyimpan mashaf al-Quran. Ini kerana orang bukan Islam tidak dibenarkan membawa dan menyentuhnya.

Sesiapa yang meminta orang-orang di atas menyimpan sesuatu kemudian simpanan tersebut musnah, mereka tidak perlu membayar ganti rugi walaupun disebabkan kecuaiannya mereka. Ini kerana penyimpan didapati cuai dengan membenarkan orang-orang ini menyimpan barang mereka.

- **Kedua:** Lafaz (*Sighah*)

Lafaz (*sighah*) ialah penawaran (*ijab*) dan persetujuan (*qabul*).

Contohnya penyimpan berkata: “*Saya simpan baju ini pada kamu.*”

Penjaga pula berkata: “*Saya terima.*”

Dalam kontrak simpanan, lafaz penjaga boleh mendahului lafaz penyimpanan, contohnya penjaga berkata: *“Simpanlah baju ini pada saya”* dan penyimpan berkata: *“Saya setuju.”*

Satu perkara lagi, lafaz ini tidak semestinya diucapkan oleh kedua-dua pihak. Sekiranya sebelah pihak sahaja yang mengucapkannya sementara satu pihak lagi membuat sesuatu yang menunjukkan persetujuan, ia sudah memadai.

Apabila penyimpan menyerahkannya walaupun tanpa sebarang lafaz, kontrak tersebut sah. Lafaz yang digunakan juga tidak semestinya secara langsung (*sarih*). Lafaz yang tidak langsung (*kinayah*) tetapi disertakan niat dan petunjuk sudah memadai.

- **Ketiga:** Barang Simpanan

Barang simpanan juga sering kali dinamakan sebagai *wadi'ah*. Barang simpanan mestilah sesuatu yang dihormati iaitu yang dimiliki atau dipelihara walaupun tidak diiktiraf oleh syarak sebagai harta seperti bijirin gandum yang sedikit, dan najis seperti anjing buruan atau baja.

Bagi barang yang tidak dihormati menurut Syarak seperti khinzir atau alat-alat hiburan yang melalaikan, barang seperti ini tidak boleh disimpan atau diminta untuk disimpan. Ia juga tidak tertakluk kepada hukum *wadi'ah*.

“Bekerja dengan bank yang berasaskan riba bukanlah pilihan kerja biasa bagi seseorang Muslim. Anda dibenarkan untuk menceburi bidang itu, jika hanya anda dapati teramatlah sukar untuk mencari kerja yang halal untuk mencari rezeki. Anda mesti meninggalkan kerja ini pada ketika anda menemui kerja yang lebih sesuai.” (Prof. Abdul Sattar)

Bab Enam

Hukum Bekerja dalam Institusi yang Berinteraksi dengan Riba

Mukadimah:

Para sarjana Islam mempunyai sudut pandangan masing-masing apabila menjawab persoalan apakah hukum bekerja dalam institusi yang berinteraksi dengan amalan riba, contohnya bekerja di bank-bank konvensional, operator-operator insurans konvensional dan seumpamanya. Oleh yang demikian, bagaimanakah hukum bagi seseorang yang bekerja dalam institusi yang berinteraksi dengan riba?

Jawapan:

Seorang pakar syariah semasa, Dr. Monzer Kahf, apabila ditanya apakah menjadi haram jika bekerja dengan bank konvensional, beliau mengemukakan pandangan seperti berikut:

“Umum mengetahui bahawa faedah bank (interest) merupakan sejenis riba yang dilarang oleh Syariah. Syariah juga mengharamkan seseorang itu memberinya, menerima atau mengambilnya, menulis kontraknya, dan menjadi saksi atasnya. Maka, sebarang kerja yang memerlukan seorang Muslim untuk membuat kontrak riba, atau menjadi perantara untuk melakukannya seperti berunding dengan pelanggan, mendorong kontrak ditandatangani atau menandatangani bagi pihak bank dan kerja-kerja lain yang berkaitan secara langsung dengan membuat kontrak berasaskan riba yang berkaitan dengan simpanan atau pembiayaan dalam bank yang berasaskan riba adalah diharamkan.”

Pandangan hukum yang dikemukakan oleh Dr. Monzer Kahf sebelum ini walau bagaimanapun diberikan pengecualian kepada mereka yang bekerja di bank dalam bahagian/cawangan yang tidak berinteraksi terus dengan riba. Petikan ijihad beliau adalah seperti berikut:

“Terdapat banyak kerja dalam bank yang tidak berkaitan secara langsung dengan riba seperti pengawal keselamatan, juruwang, kewangan, penyelidik, pengendali bangunan, mesin dan sebagainya.”

Dr. Monzer Kahf telah menyandarkan pendirian beliau ini dengan pendapat Syeikh Muhammad al-Siddiq al-Darir dari Sudan dan Syeikh Muhammad al-Mukhtar al-Sallani dari Tunisia yang berpendapat bahawa pekerjaan seperti itu adalah tidak termasuk dalam larangan itu. Bagaimanapun, mereka berpendapat bahawa kerja yang menyokong operasi berasaskan riba adalah haram.

Dr. Monzer Kahf juga telah disoal “Apakah Syariah memberikan keizinan untuk bekerja di bank konvensional di bahagian atau seksyen teknologi maklumat?” Beliau menjawab secara konsisten dengan ijihad beliau sebelum ini iaitu dalam kes yang hampir sama, beliau menyatakan adalah tidak menjadi masalah untuk bekerja di mana-mana bahagian di bank konvensional selagi mana tidak terlibat dalam penyediaan dokumen kontrak riba atau menandatangani kontrak bagi pihak bank.

Beliau telah menyatakan pandangan ini yang juga dipelopori oleh Syeikh Mustafa al-Zarqa’, Syeikh Yusuf al-Qaradhawi, Syeikh al-Sallami dan juga Syeikh al-Dharir. Beliau juga menambah bahawa pandangan beliau ini adalah berhujah kepada hadis Nabi SAW yang telah diriwayatkan oleh Imam Muslim.

Syeikh Prof. Abdul Sattar Fathallah al-Saeed, seorang profesor Tafsir dan Ulum al-Quran, Universiti al-Azhar pula apabila diajukan soalan oleh seorang Muslim yang bekerja di Jabatan Teknologi Maklumat di Amerika Syarikat, “Apakah kerjaya yang diceburinya halal?” Syeikh Prof. Abdul Sattar menjawab seperti berikut:

“Kita ingin menjelaskan dua perkara penting. Pertama, sistem ekonomi biasanya berkaitan dengan riba. Jika anda terpaksa bekerja dalam bidang ini, maka tiada salahnya, dan anda dimaafkan kerana berbuat demikian.

Bagaimanapun, anda mesti bertaubat kepada Allah SWT, dan memohon Allah SWT mengampuni anda semasa anda sedang berusaha keras mencari kerja halal lain. Kedua, jika anda terlibat secara langsung berurusan dengan riba, dan ia adalah kerja dan cara mencari rezeki anda, maka anda tidak dibenarkan membuat pekerjaan tersebut.”

Sementara itu, Syeikh Prof. Abdul Sattar juga memberikan penegasan bahawa:

“Bekerja dengan bank berasaskan riba bukanlah pilihan kerja biasa bagi seorang Muslim. Anda dibenarkan untuk menceburi bidang itu jika hanya anda dapati teramatlah sukar untuk mencari kerja yang halal untuk mencari rezeki. Anda mesti meninggalkan kerja ini pada ketika anda menemui kerja yang lebih sesuai.”

Syeikh Prof. Dr. Yusuf al-Qaradhawi di dalam masalah yang sama dalam huraian yang panjang telah mengemukakan bahawa bekerja di bank adalah dibenarkan selagi mana tidak berinteraksi secara terus dengan kontrak riba.

Fatwa daripada Mufti Kerajaan Brunei Darussalam berkaitan hukum bekerja di bank konvensional telah menyatakan ayat-ayat Allah SWT dan Sunnah Nabi SAW yang menyatakan tentang pengharaman riba. Walau bagaimanapun, fatwa menyebut:

“... sementara pintu-pintu pekerjaan yang jelas halal belum dapat disediakan dengan kadar yang mencukupi dan institusi-institusi kewangan Islam belum dibuka dengan menyeluruh, maka menjadi rukhsah bagi orang Islam bekerja di bank-bank biasa (konvensional) dalam batas dan keadaan-keadaan tertentu sahaja. Bagaimanapun, orang Islam yang bekerja di bank konvensional ini jika dia mampu untuk mendapatkan pekerjaan lain bagi menyara hidupnya dan keluarganya, atau dia lebih warak atau lebih tawakal dengan pekerjaan yang lain itu, maka memadailah pekerjaan itu, bukannya di bank riba supaya dia terselamat daripada perkara-perkara syubhah atau haram.”

Fatwa *Lajnah al-Daimah lil Buhuth al-Ilmiah wa al-Ifta’* pula mempunyai pendirian yang agak tegas dalam masalah ini apabila telah mengeluarkan pandangan bahawa akauntan di bank ribawi juga termasuk dalam maksud hadis Nabi SAW sebagaimana yang diriwayatkan oleh Muslim yang menyatakan bahawa pemakan riba akan dilaknat.

Analisa Ringkas Berkaitan Pandangan Sarjana Islam

Berpandukan kepada pandangan ahli-ahli sarjana Islam semasa, mereka dilihat bersepakat mengatakan bahawa sebarang pekerjaan yang berurusan secara terus dengan kontrak riba adalah haram kerana termasuk dalam larangan Nabi SAW yang membawa kepada laknat.

Para sarjana Islam hanyalah berselisih pandangan sama ada mahu mengumumkan larangan Nabi SAW tersebut dengan lebih luas iaitu tidak sekadar kepada mereka yang berinteraksi dengan kontrak riba sahaja, bahkan semua yang terlibat secara langsung atau pun tidak langsung tetap menerima laknat daripada Nabi kerana menyokong dan bersekolong dalam sistem riba.

Kaedah Kuliyyah

Ijtihad para sarjana Islam dalam menghukumkan keharaman pekerjaan yang bersangkutan dengan amalan riba seperti di sektor ribawi adalah bertepatan dengan kaedah kuliyyah yang menyebut:

Maksudnya: *“Sesuatu yang haram menerimanya juga diharamkan memberinya.”*

Dalam erti kata lain, kaedah ini membawa maksud apa sahaja perkara haram diambil atau mengambilnya, haram juga hukumnya jika diberikan kepada orang lain. Ia juga dapat difahami bahawa illahnya akan membantu atau menolong kepada perbuatan yang diharamkan. Hal ini juga adalah mengikut kehendak sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dan apabila kamu telah menyelesaikan ibadah haji, maka bolehlah berburu. Dan janganlah sekali-kali kebencian(mu) kepada sesuatu kaum kerana mereka menghalang-halangi kamu dari Masjidil Haram, mendorongmu berbuat aniaya (kepada mereka). Dan tolong-menolonglah kamu dalam (mengerjakan) kebajikan dan takwa, dan jangan tolong-menolong dalam berbuat dosa dan pelanggaran. Dan bertakwalah kamu kepada Allah, sesungguhnya Allah amat berat seksa-Nya.”

(Surah al-Maidah: 2)

Penutup

Alhamdulillah, selesailah sudah Pelbagai Hukum Muamalat bagi tajuk deposit ini. Mudah-mudahan kita menjadi golongan yang benar-benar memahami agama Islam, terhususnya dalam bidang muamalat yang menjadi amalan harian kita. Penulis menutup perbincangan ini dengan meminjam kata-kata Dr. Yusuf al-Qaradhwai melalui bukunya *al-Halal wa al-Haram fi al-Islam*, antara lain menyebut:

Allah SWT menjadikan manusia dalam keadaan saling mencukupi atau memerlukan, di mana setiap individu memerlukan kepada bantuan yang lain. Tiada seorang pun yang memiliki sepenuhnya apa yang diperlukannya dan yang melengkapinya, tetapi ada yang memiliki sebahagian dari apa yang diperlukannya serta memerlukan pula kepada apa yang dimiliki oleh orang lain. Lantaran itu, Allah SWT mengilhamkan manusia supaya mereka bertukar-tukar barangan dan kemanfaatan antara satu sama lain dengan cara berjual-beli dan cara-cara muamalah yang lain, sehinggalah tertegak jentera kehidupan dan rodanya berjalan dengan membawa kebaikan dan kesejahteraan.

Ketika Nabi SAW diutuskan, umumnya kaum Arab sudah mempunyai pelbagai kaedah jual beli dan pertukaran barang-barang perniagaan. Nabi SAW telah membenarkan sesetengah kaedah jual beli yang lama, iaitu selagi ianya tidak bertentangan dengan prinsip-prinsip perniagaan yang telah ditetapkan oleh syariat yang dibawanya. Sesetengah kaedah yang lain pula ditegah dimana ianya tidak bersesuaian dengan prinsip syariat Islam dan petunjuk-petunjuknya. Lantaran itu berlaku beberapa pengertian, antaranya:-

- Kerana adanya anasir yang membantu kepada perbuatan maksiat;
- Kerana adanya anasir penipuan dan monopoli; dan
- Kerana adanya anasir penganiayaan di antara kedua-dua orang-orang yang membuat perjanjian jual-beli itu.

Semoga kita diberi kekuatan untuk menjadikan muamalat Islamiah sebagai aturcara kehidupan seharian kita. Amin.

Bibliografi

Abi Fida' Ismail bin Umar bin Kathir al-Quraisy al-Dimasyq. *Tafsir al-Quran al-Azim*. 2004. Arab Saudi: Dar al-Salam.

Abu Bakar Muhammad bin Abdullah (Ibn al-Arabi). 2006. *Hukum-hukum dalam al-Quran*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Al-Sayyid Sabiq, *Feqh al-Sunnah*. 1996. Damsyiq: Dar al-Fikr.

Al-Syahid Imam Hasan al-Banna. *Himpunan Risalah* (Terjemahan). 2003. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.

Al-Syeikh Sa'ad bin Abdullah al-Barik. 1999. *Fatawa Ulama al-Balad al-Haram*, Himpunan al-Syeikh Sa'ad bin Abdullah al-Barik.

Atiah Saqr. t.th. Al-Fatawa. Kaherah: *Maktabah al-Taufiqiah*.

Dr. Ahmad al-Syarbasi. 1995. *Yas'alunaka Fi al-Din Wa al-Hayah*. Jami' al-Huquq Mahfuzah li Dar al-Jil.

Dr. Mustafa al-Khin, Dr. Mustafa al-Bugha & Dr. Ali al-Syarbaji. 2011. *Al-Fiqh Al-Manhajji (Manhaj Fiqh al-Syafi'i)*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Dr. Wahbah al-Zuhaili. 1984. *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*. Damsyiq: Dar al-Fikr.

Dr. Yusuf al-Qaradhawi. *Al-Halal wa al-Haram* (Terjemahan). 2011. Selangor: Darul Syakir.

Dr. Yusuf al-Qaradhawi. 1995. *Fatwa Mu'asarah* (Fatwa Masa Kini). Pustaka Salam Sdn. Bhd.

Jemaah Ulama. *Al-Mausu'ah al-Fiqhiyyah*. 2003. Kuwait: Kementerian Wakaf Kuwait.

Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia. 2009. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Sa'di Abu Jaib. 1988. *Al-Qamus al-Fiqhiyyah al-Lughah wa Istilah*. Damsyiq: Dar al-Fikr.

Syeikh Hasanain Muhammad Makhluaf. t.th. *Fatawa Syariah*. Darul I'tisam.

Syeikh Jada al-Haq Ali Jada al-Haq. 2004. *Buhusun wa Fatawa Islamiah fi Qadhaya Mu'asirah*. Kaherah: Dar al-Hadith.

Penafian

Buku ini mengandungi keputusan Jawatankuasa Syariah Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB) sejak penubuhannya pada tahun 1999 hingga tahun 2011. Keputusan ini hanya terpakai di BMMB sahaja dan tidak bertujuan dijadikan sebagai asas perundangan dan sebagainya. Walaubagaimanapun, pembaca boleh menjadikan keputusan tersebut sebagai rujukan dan panduan dalam memahami isu-isu yang berkaitan Perbankan Islam khasnya dan Fiqh Muamalat amnya. BMMB tidak bertanggungjawab dalam apa-apa cara sekali pun untuk sebarang kerugian, atau ganti rugi dan sebagainya yang timbul sama ada daripada kontrak, tort, kecuai, liabiliti atau pada mana-mana asas lain, termasuk tanpa had, butiran sampingan penting langsung atau tidak langsung atau ganti rugi punitif atau kerugian keuntungan atau simpanan yang timbul daripada atau berhubung dengan kebergantungan pada maklumat terkandung dalam Buku ini, Klausula pengecualian ini akan berkuat kuasa sepenuhnya seperti yang dibenarkan oleh undang-undang.

Bank Muamalat Malaysia Berhad
Jabatan Syariah
Menara Bumiputra, Jalan Melaka,
50100 Kuala Lumpur
Tel: 03-2698 8787

www.muamalat.com.my

Pusat Panggilan Pelanggan
Talian Bebas Tol: **1300-88-8787**